

SPRM bebas siasat dakwaan terhadap Shamsul Iskandar

Agensi akan panggil ahli perniagaan dalam masa terdekat beri keterangan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bebas untuk menyiasat segera tuduhan seorang ahli perniagaan memberikan sejumlah wang kepada bekas Setiausaha Politik Kanannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Perdana Menteri berkata, SPRM bebas melakukan siasatan tanpa sebarang campur tangan luar.

“Berhubung tuduhan yang timbul, saya menegaskan bahawa SPRM bebas untuk menjalankan siasatan segera, tanpa sebarang campur tangan luar.

“Kerajaan MADANI kekal teguh pada prinsip ketelusan dan integriti dan memberi ruang kepada proses siasatan mengikut lunas undang-undang,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, Shamsul Iskandar yang juga Ketua Cabang PKR Hang Tuah Jaya, mengumumkan peletakan jawatannya selepas menyedari ‘wujud percubaan menyerang beliau dengan perkara yang boleh menjejaskan imej Kerajaan MADANI’.

Beliau menyerahkan surat peletakan jawatan itu kepada Perdana Menteri pagi kelmarin.

Perdana Menteri berkata, beliau menerima peletakan jawatan itu dan mengucapkan terima kasih atas khidmat Shamsul Iskandar.

“Saya menerima peletakan jawatan Setiausaha Politik Kanan, saudara Shamsul Iskandar Mohd Akin dan mengucapkan terima kasih atas khidmat beliau,” katanya.

Shamsul Iskandar dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri pada Disember 2022.

Sementara itu, Ketua Pesu-

ruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dalam kenyataan berkata, agensi itu akan menyiasat segera tohmahan pemberian rasuah oleh seorang ahli perniagaan dikenali sebagai Albert Tei itu.

SPRM akan panggil Albert

Beliau berkata, SPRM akan memanggil Albert serta individu yang dinamakan dalam dakwaan itu dalam masa terdekat untuk memberi keterangan.

“SPRM akan memanggil pihak yang membuat tohmahan berkenaan, iaitu Albert Tei serta pihak yang ditohmah, iaitu Datuk Seri Shamsul Iskandar dalam masa terdekat bagi memberi keterangan.

“Selain itu, SPRM juga akan memanggil semua pihak yang terbabit bagi tujuan mengumpul bukti yang diperlukan,” katanya.

Azam meminta orang ramai tidak membuat spekulasi berhubung isu berkenaan dan memberi ruang kepada agensi terbabit menjalankan siasatan bagi mengumpul keterangan serta bukti berkaitan dakwaan itu.